

Pelajar UPMKB, UPMKS sertai program di Jepun

BINTULU: Seramai 22 pelajar pascasiswazah dan prasiswazah dari Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dan Kampus Serdang (UPMKS) menyertai Program Mobiliti Dasar Pandang Ke Timur: Menuju Tanah Matahari Terbit, di Jepun, baru-baru ini.

Menurut kenyataan UPMKB, program tersebut adalah hasil kerjasama bersama Kyushu Institute of Technology (Kyutech) di Fukuoka, Jepun, yang diselaraskan oleh Kayako Yoshimura dari Kyutech dan pegawai pengiring UPM, Rosidah Basir.

“Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai penyelidikan dan aplikasi teknologi dalam bidang seperti biomekanik, bioteknologi mikrob, kejuruteraan biomolekul, bahan berfungsi permulaan alam sekitar serta sistem komputer mirip otak dan penggantian fungsi manusia,” katanya.

Sepanjang program selama dua minggu itu, para pelajar berpeluang melawat makmal-makmal penyelidikan di bawah seliaan profesor (profesor) di Kyutech, iaitu Prof Hiroshi Yamada, Prof

Toshinari Maeda, Prof Sozo Inoue dan Prof Tomohiro Shibata.

Pelajar turut menyertai Bengkel LEGO@Serious Play dan melawat Kitakyushu Eco Town Center, selain terlibat dalam penganjuran Simposium Antarabangsa Kejuruteraan Sains dan Gunaan (SAES 2024) pada 14 hingga 15 November 2024 di Kyutech.

Majlis menandatangani pembaharuan Memorandum Perjanjian (MoA) antara UPM dan Kyutech turut diadakan, dengan perjanjian berkuat kuasa dari 14 November 2024 hingga 14 November 2029.

la difahamkan bahawa sejak 2012, UPM dan Kyutech telah menjalin kerjasama dalam program pertukaran pelajar, yang melibatkan lebih 1,850 pelajar daripada kedua-dua institusi.

Dalam kenyataan tersebut, Naib Canselor UPM Dato' Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, program mobiliti tersebut memberikan impak positif terhadap hubungan antara UPM dan Kyutech serta membuka peluang kepada pelajar untuk memahami dan menghargai kelainan budaya masing-masing.



CERIA... Pelajar UPMKB semasa menyertai simposium di Jepun, baru-baru ini.